

Dadah: Pasukan setuju hukuman lebih berat

- 9 OCT 1989

Oleh **SAINI SALLEH** *

PASUKAN Bertindak Anti-Penyalahgunaan Dadah menyokong usul untuk mengenakan hukuman lebih berat di bawah Rang Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah (Pindaan) yang dibentangkan buat pertama kali di Parlimen pada Jumaat lalu.

Langkah yang disifatkan sebagai munasabah itu, bukan saja akan dapat mengekang sindiket dadah daripada menggunakan Singapura sebagai pusat kegiatan mereka, malah menurangkan masalah dadah di sini. **AKASIL SAHA**

Pengerusi pasukan itu, En-cik Abdullah Tarmugi, menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai rang undang-undang yang diajukan oleh Menteri Ehwai Dalam Ne-

geri merangkap Undang-Undang, Profesor S. Jayakumar.

Bellau, yang ditemui semalam selepas merasmikan perkampungan silat anjuran Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) di Pusat Pendidikan Persatuan Pengajian Islam Singapura (Pertapis), berkata:

"Hukuman penjara ke atas mereka yang didakwa berulang kali mengambil dadah adalah munasabah kerana sebelum ini, ada yang cuba lari daripada hukuman penjara yang hanya boleh dikenakan semasa mereka di bawah tempoh perintah pengawasan. **MALAKI (CUBAMA)**

"Dengan adanya undang-undang itu, mereka tidak lagi dapat menggunakan kejenjotan teknikal dalam akta tersebut untuk mengelakkan diri daripada hukuman penjara. Ia boleh dikenakan walaupun selepas tempoh pengawasan."

Mengenai hukuman mati ke atas pengedar ganja, candu dan kokain pula, beliau menyatakan bahawa ia akan dapat mengekang percubaan menggunakan Singapura sebagai pusat kegiatan tersebut.

Ini kerana ketika ini hukuman mati hanya untuk pengedar heroin dan morfin.

Antara pindaan lain termasuk hukuman rotan terhadap penagih yang melanggar peraturan disiplin semasa menjalani pemulihan, hukuman denda digantikan dengan hukuman penjara bagi kesalahan memiliki dadah, dakwaan memiliki dadah diganti dengan mengedar dadah dan peluang bagi penagih baru hanya diletakkan di bawah pengawasan dan tidak dihantar ke pusat pemulihan dadah (DRC).

Dalam ucapannya pula, En-cik Abdullah, yang juga Anggo-

ta Parlimen Siglap, menekankan bahawa masalah dadah di sini tidak seburuk di Amerika Syarikat dan Colombia, tetapi masyarakat Melayu-Islam perlu berwaspada dan memainkan peranan supaya ia tidak bertambah serius.

Lebih 300 peserta perkampungan yang mewakili semblan perguruan silat di sini, mengikuti ceramah dan menyaksikan pameran antidadah di samping mendengar pengakuan bekas penagih yang menghuni rumah tumpangan Perintis.

Turut disertakan ialah demonstrasi silat dan acara sukan ala silat yang bertujuan menghidupkan kembali seni itu dan merapatkan hubungan di kalangan anggota kumpulan-kumpulan tersebut.